

100,000 banjiri Rumah

UM 23 DEC 2001

Oleh AZNAN BAKAR
dan HABIBAH OMAR

JOHOR BAHRU 22 Dis. — Lebih 100,000 orang membanjiri Dataran Bandaraya di sini hari ini sempena Rumah Terbuka Malaysia sempena Aidilfitri, menjadikannya sambutan Hari Raya terbesar pernah diadakan di negara ini.

Selain penduduk tempatan, turut memeriahkan majlis rumah terbuka yang pertama kali diadakan itu ialah ribuan pelancong dari Singapura serta dari Pulau Batam dan Bintan, Indonesia.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail serta Raja Permaisuri Agong Tengku Fauziah Ahnarhum Tengku Abdul Rashid merupakan tetamu utama majlis itu di samping Sultan Johor, Sultan Iskandar dan Sultanah Zanariah.

Hadir sama ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama isteri Datin Seri Hendon Mahmood serta menteri-menteri kabinet.

Turut hadir bagi memeriahkan Rumah Terbuka Malaysia anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kerajaan Johor itu ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

Beliau mengetuai rombongan lapan menteri kabinet dari negara tetangga itu.

Walaupun acara rumah terbuka itu hanya bermula pada pukul 10 pagi, orang ramai telah mula membanjiri Dataran Bandaraya seawal pukul 9 pagi lagi.

Selain menikmati jamuan yang dihidangkan, kesempatan itu digunakan oleh mereka untuk bertemu dengan para pembesar dan pemimpin negara.

Sewaktu Yang di-Pertuan Agong mahu berangkat pulang, orang ramai turut bersesak-sesak mahu bersalam dengan Seri Paduka sehingga kawalan ketat terpaksa diberikan oleh pasukan keselamatan.

an perayaan sebagai satu pendekatan untuk merapatkan perpaduan.

Katanya, turut hadir pada majlis itu ialah kira-kira 600 pemberita yang mewakili media cetak dan elektronik dari Singapura, Indonesia dan Thailand.

Sementara itu Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, kehadiran masyarakat berbilang kaum termasuk dari Singapura ke majlis itu merupakan kejayaan kepada usaha kerajaan untuk menggunakan sambutan-

Katanya, walaupun kos untuk sambutan seperti itu agak tinggi tetapi tidak semua ditanggung oleh kerajaan kerana sebahagian besarnya seperti persembahan kebudayaan dan nyanyian serta penyediaan makanan disumbangkan oleh sektor swasta.

Sehubungan itu katanya, kerajaan akan meneruskan tradisi rumah terbuka kebangsaan itu bukan sahaja untuk Hari Raya tetapi juga untuk lima perayaan utama lain iaitu Krismas, Tahun Baru Cina, Deepavali, Pesta Keamatan dan Hari Gawai.

Terbuka Malaysia